



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**KAJIAN MENGENAI PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN
DIKALANGAN PELAJAR DI JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN**

*A STUDY ON THE USE OF E-LEARNING AMONG STUDENTS IN THE
DEPARTMENT OF TRADE POLYTECHNIC TUANKU SYED SIRAJUDDIN*

Jamilah Hussain^{1*}, Shukeri Mohamad Ros²,

¹ Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Email: jamilah@ptss.edu.my

² Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Email: shukeri@ptss.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 11.01.2021

Revised date: 10.02.2021

Accepted date: 14.02.2021

Published date: 01.03.2021

To cite this document:

Hussain, J., & Ros, S. M. (2021). Kajian Mengenai Penggunaan E-pembelajaran Dikalangan Pelajar di Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (38), 66-79.

DOI: 10.35631/IJEPC.638007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kaedah e-pembelajaran semakin luas digunakan sejak dari wabak pandemik covid 19. Kajian ini dilakukan untuk meninjau tahap penerimaan para pelajar terhadap pembelajaran secara e-pembelajaran dalam proses pembelajaran dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Objektif kajian ini adalah untuk meninjau tahap penerimaan, keupayaan para pelajar dan impak pembelajaran secara e-pembelajaran. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisa kesediaan institusi menyediakan sumber-sumber bagi menjayakan e-pembelajaran. Analisa data berdasarkan maklum balas daripada 201 orang pelajar dari Jabatan Perdagangan bagi meninjau kesediaan, keupayaan dan pembelajaran secara e-pembelajaran dapat membantu pelajar Jabatan Perdagangan menguasai hasil pembelajaran mereka. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tahu dan peka tentang e-pembelajaran dan mengetahui kebaikan atau manfaat yang mereka perolehi daripada e-pembelajaran berbanding kaedah konvensional. Walau bagaimanapun kemudahan fasiliti dan kemudahan internet menjadi penghalang kepada usaha murni ini.

Kata Kunci:

E-pembelajaran, Kesediaan dan Keupayaan

Abstract:

The e-learning method has been widely used since the pandemic epidemic covid 19. This study was conducted to examine the level of students' acceptance of e-learning learning in the learning process among students of the Department of Commerce Polytechnic Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). The objective of this study is to examine the level of acceptance, the ability of students, and the impact of e-learning learning. This study also aims to analyze the readiness of institutions to provide resources for successful e-learning. Data analysis based on feedback from 201 students from the Department of Commerce to review readiness, ability, and e-learning learning can help students of the Department of Commerce master their learning outcomes. The results of this study show that most students know and are sensitive to e-learning and know the benefits or benefits they get from e-learning compared to conventional methods. However, facilities and internet facilities are an obstacle to this noble endeavor.

Keywords:

E-learning, Readiness and Capabilities

Pengenalan

Daya tarik pembelajaran berasaskan internet tidak boleh dinafikan. E-pembelajaran membantu perkongsian maklumat dengan lebih berkesan dengan penggunaan kaedah yang meluas di internet seperti forum, email, video dan 'chatting'. Pengetahuan dalam e-pembelajaran juga dapat disebarkan secara serentak di mana pelajar dapat mencapai maklumat dari laman web yang berkaitan. E-pembelajaran telah diperkenalkan sebagai satu strategi baru dalam kaedah pembelajaran dan menggantikan sistem pendidikan yang lama.

E-pembelajaran (e-learning) masih merupakan satu pendekatan yang agak baru dalam dunia pendidikan di Malaysia terutama dalam konteks pendidikan guru. Pada ketika ini tidak ada satu definisi yang boleh dikatakan diterima pakai secara menyeluruh. Bahkan definisi e-pembelajaran kerap dikelirukan dengan definisi lain seperti online learning, blended learning, distributed learning dan mobile learning. Kadangkala terdapat pertindihan makna, di antara istilah berikut misalnya, pembelajaran online, pembelajaran berasaskan Internet, pembelajaran berasaskan teknologi, pembelajaran berasaskan komputer, pembelajaran berasaskan web dan pembelajaran maya (Mishra, 2009). Ada juga yang menyamakan definisi e-pembelajaran ini dengan Learning Management System (LMS) seperti Blackboard, WebCt, Moodle, MyGuru, MyLMs dan sebagainya (Yusup, et al., 2008).

Sistem Pengurusan Pembelajaran berasaskan-web pula merupakan program aplikasi internet yang pesat digunakan oleh syarikat-syarikat perisian komputer dan institusi pendidikan sebagai infrastruktur kepada pelaksanaan program e-pembelajaran. Sistem ini berkembang dengan cepat dan digunakan dengan meluas sebagai sistem maklumat dan sistem pangkalan data untuk mengurus dan mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

E-pembelajaran adalah konsep yang mengintegrasikan teknologi maklumat di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Konsep pengajaran dan pembelajaran ini adalah penting kepada institusi pendidikan untuk memperluaskan lagi metodologi pengajaran dan pembelajaran.

Secara umumnya, e-pembelajaran adalah sebarang pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik untuk menyampaikan isi kandungan, interaksi atau pemudahcaraan.

Kajian-kajian awal mengenai kesediaan pelajar di IPT Malaysia untuk mengikuti m-pembelajaran melaporkan keputusan daripada pelbagai sudut kajian. Analisis maklum balas 2,837 pelajar Universiti Terbuka Malaysia (OUM) yang mengikuti pengajian secara terbuka dan jarak-jauh (ODL) di 31 Pusat Pembelajaran di seluruh negara mendapati hanya 64 peratus (%) bersedia untuk mengikuti m-pembelajaran (Zoraini Wati, Chng & Norziati 2009). Kajian yang dilakukan oleh Supyan, Mohd Radzi, Zaini dan Pramela (2012) secara atas-talian terhadap 91 pelajar di dua buah universiti awam mendapati para pelajar memiliki kemahiran pengkomputeran dan mengalu-alukan integrasi m-pembelajaran dalam pendidikan.

Kajian yang lebih spesifik dilakukan oleh Tze, Dewika dan Devandran (2014) yang mendapati penggunaan media sosial seperti facebook berjaya meningkatkan komunikasi berkesan antara pelajar dan pensyarah seterusnya menggalakkan penyertaan dan penglibatan pelajar di dalam kelas. Mereka juga berpendapat penggunaan facebook kemungkinantidak sesuai pada masa akan datang apabila aplikasi lain yang lebih menarik diperkenalkan. Keputusan kajian yang hampir sama dilaporkan oleh Norbayah dan Norazah (2010) yang mengkaji penggunaan teknologi mudah-alih sebagai medium pembelajaran melibatkan 74 pelajar program Seni Reka dan Seni Lukis di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Di samping memiliki tenaga akademik yang cemerlang dan berkelayakan, institusi harus mempunyai prasarana yang terbaik seperti bilik kuliah, makmal, perpustakaan, asrama, komputer dan pelbagai kemudahan pembelajaran yang lain (Jamilah, 2006). Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh manakah kesediaan pelajar menerima e-pembelajaran dalam aktiviti pengajaran mereka dan apakah faktor yang menjadi penyebab penerimaan E-pembelajaran.

Pernyataan Masalah

Pendidikan hari ini bersifat global dan sering dikaitkan kepada pencapaian hasil pembelajaran dan kebolehpasaran graduan. Kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) menjadikan masyarakat dunia dan sesebuah organisasi semakin terkait antara satu sama dalam satu perkampungan dunia tanpa sempadan. Pendidikan wajar menyediakan pengetahuan dan kemahiran untuk melahirkan masyarakat dunia generasi akan datang. Pendidikan melalui e-pembelajaran merupakan antara alternatif yang tidak dapat ditolak oleh IPT sesuai dengan gaya hidup hari ini yang bersifat paperless, wifi dan terlalu bergantung kepada smartphone.

Keberkesanan penggunaan laman web bagi tujuan pembelajaran diakui efektif dan efisien (Lim, 2002; Fahrul Anuar Aziz, 2002). Laman web berpotensi memberikan kesan perubahan dalam proses pendidikan. Ia boleh membentuk semula era pendidikan yang memerlukan konsep baru dan menarik. Kesannya, penggunaan laman web sebagai medium pembelajaran amat luas digunakan. Pada awal 2001, statistik penggunaan komputer dan latihan berasaskan web boleh diperolehi datanya di Amerika. Laporan menunjukkan 80 peratus kolej dan universiti di negara tersebut menawarkan penggunaan web dalam kurikulum mereka (Lynch, 2002).

Menurut Roger, C. Schank (2002) konsep e-pembelajaran kini menjadi medium utama bidang pendidikan yang tidak terhad kepada pendidikan berbentuk klasik yang disediakan di sekolah,

kolej atau universiti. e-pembelajaran boleh merentasi masa dan kekangan ruang malahan mampu menyediakan penyelesaian yang sesuai mengikut keperluan pelajar dalam situasi yang berbeza. Kini, e-Pembelajaran dilengkapi dengan system pembelajaran elektronik yang biasanya dikenali sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran, Sistem Pembelajaran Virtual, atau Sistem Pengurusan Kandungan, dan disokong juga dengan kandungan pembelajaran dan sumber infrastruktur. Kemudahan infrastruktur dalam sistem epembelajaran membolehkan kandungan pembelajaran dimuat naik, disimpan, diakses dan dihantar yang memperlihatkan proses pembelajaran berlaku dan diuruskan.

Dalam pelaksanaan e-pembelajaran, tidak kurang juga yang menyatakan kelemahan dan kekangannya. Menurut Urdan & Weggen (2000), walaupun banyak usaha yang dilakukan untuk memperkembangkan e-pembelajaran, tetapi hanya sebahagian keterangan yang menyokongbahawa e-pembelajaran untuk pelajar pendidikan teknikal dan vokasional adalah efektif. Oleh yang demikian, kajian ini adalah sangat perlu untuk mengetahui kecekapan terhadap penggunaan e-pembelajaran, halangan-halangan dalam menggunakan e-pembelajaran dan hubungan antara kecekapan diri menggunakan e-pembelajaran dengan halangan penggunaan e-pembelajaran di kalangan siswazah pendidikan teknikal dan vokasional.

Pengajaran dan pembelajaran tidak setakat dipraktikkan secara konvensional di mana tenaga pengajar memfokuskan aktiviti ini di bilik kuliah semata-mata malahan sepatutnya selaras dengan arus perkembangan fasiliti teknologi maklumat itu sendiri. Namun kajian perlu dilakukan bagi mengenalpasti kesediaan, keupayaan dan adakah pembelajaran secara e-pembelajaran ini dapat membantu pelajar dalam menguasai pembelajaran.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau tahap penerimaan para pelajar terhadap pembelajaran serta melakukan pembelajaran sendiri. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisa kesediaan institusi menyediakan sumber-sumber bagi menjayakan e-pembelajaran serta mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaannya.

Persoalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menghuraikan keperluan atau persediaan apabila pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara e-pembelajaran. Perkara-perkara yang ingin diketahui adalah:

1. Bagaimanakah kesediaan pelajar Jabatan Perdagangan menerima e-pembelajaran?
2. Bagaimanakah keupayaan pelajar Jabatan Perdagangan mengikuti e-pembelajaran?
3. Adakah pengajaran dan pembelajaran secara e- pembelajaran dapat membantu pelajar Jabatan Perdagangan menguasai hasil pembelajaran?

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak Politeknik dalam pelaksanaan e-pembelajaran bagi mengenalpasti keberkesanan perlaksanaan dalam membantu perkembangan ilmu. Kajian ini mempunyai kepentingan kepada pelbagai pihak iaitu jabatan, pensyarah, pengkaji dan pelajar dan khususnya politeknik sendiri dalam membangunkan proses pembelajaran terutama e-pembelajaran lebih berkesan.

Hasil kajian ini dapat membantu jabatan yang terlibat untuk mempergiatkan lagi penglibatan pelajar-pelajar dan pensyarah dalam proses e-pembelajaran ini supaya menjadi lebih aktif dan

pensyarah dapat melengkapkan diri dengan perubahan baru dalam aspek pengajaran dan pembelajaran yang seiring dengan perkembangan teknologi pendidikan terkini.

Tinjauan Literatur

Buku Dasar e-pembelajaran Negara yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM, 2011) mendefinisikan e-pembelajaran sebagai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudah cara proses pembelajaran dan pengajaran. Para penyelidik bagaimanapun memberikan definisi yang berbeza-beza. Supyan (2008) memberikan definisi operasian yang menarik iaitu e-pembelajaran dirujuk kepada proses pembelajaran dalam persekitaran yang menggunakan teknologi elektronik sama ada in-network based (LAN, WAN) atau *non-networked*, iaitu menggunakan pemain CD, DVD, MP3 dan MP4. Amnya e-pembelajaran merujuk kepada program pembelajaran atas talian menggunakan infrastruktur teknologi. Pembelajaran atas talian adalah pembelajaran menggunakan komputer berteknologi internet dengan melayari sesawang tertentu. Perbezaan definisi e-pembelajaran dalam kalangan para penyelidik adalah didorong oleh perbezaan bidang pengkhususan dan minat para penyelidik serta perbezaan pendekatan pengajaran akibat daripada perubahan pesat teknologi komunikasi (Valentina & Nelly 2014).

Menurut Fry (2002), e-pembelajaran dimaksudkan sebagai penyampaian latihan dan pendidikan melalui interaksi berangkaian dan pengumpulan serta penyebaran teknologi. Rosenberg (2001) pula mendefinisikan e-pembelajaran sebagai berangkaian, mampu mengumpul dan menyebarkan maklumat serta membolehkan jejak maklumat melalui komputer disamping memfokus kepada persekitaran yang luas dalam pendidikan. Ia jauh berbeza daripada paradigma latihan tradisi. Namun dalam konteks yang lebih umum, epembelajaran lebih mudah diertikan sebagai kaedah yang secara mutlak atau kolaboratif menggunakan komputer yang berangkaian dengan sistem dan/atau internet secara cepat dan berkesan.

Walaupun e-pembelajaran menawarkan pelbagai kelebihan (Munirah, Issham, Azidah & Hanyah 2012; Valentina & Nelly 2015), namun ia belum tentu dapat membantu proses pembelajaran bagi bidang pengajian tertentu dan tahap pengajian yang tertinggi. Wong (2011) yang melakukan kajian secara kualitatif terhadap beberapa pelajar peringkat kedoktoran yang mengikuti pengajian secara terbuka dan jarak jauh (ODL) melibatkan universiti di Malaysia dan Australia mendapati para pelajar berkenaan bersetuju bahawa modul yang terdapat dalam.

Menurut Al-Mobaideen, Allahawiah, & Alkhawaldeh (2012), revolusi dalam pembelajaran dan aplikasi pendidikan komputer dan juga penggunaan komputer dalam pendidikan adalah masih baru dan berkembang dari hari ke hari sehingga akhirnya konsep E-Pembelajaran (E-Learning) berpandukan teknikal diperkenalkan untuk membekalkan ilmu pendidikan kepada pelajar melalui cara yang efektif.

Sebagaimana era lain yang baru mendapat perhatian di peringkat awal, e-pembelajaran juga menghadapi cabaran tersendiri. Meskipun e-pembelajaran mampu memberikan pulangan yang berkesan, faktor penyumbang tetap memainkan peranan penting. Ledakan teknologi pasti perlu memberi fokus utama terhadap keterlibatan manusia sebagai kayu ukur dan penentu pencapaian (Rosenberg, 2001).

E-Pembelajaran merujuk kepada penggunaan teknologi dalam pembelajaran termasuk menggunakan peralatan digital, kelas secara maya, pembelajaran secara web dan penggunaan

komputer (Hodgins & Cornner, 2000 dlm. Khairul Hamimah, 2007). Internet, intranet, satelit, pita audio video, TV interaktif dan CD-ROM merupakan sebahagian dari media elektronik yang digunakan untuk mempraktikkan e-pembelajaran.

Mengikut Rosenberg (2001), penggunaan teknologi internet untuk menyalurkan maklumat pembelajaran atau sebarang instrumen yang boleh digunakan bagi meningkatkan lagi pengetahuan, pencapaian dan kemahiran berdasarkan kepada tiga kriteria:

- i. e-Pembelajaran mestilah menggunakan capaian rangkaian yang boleh menerima dan menyimpan data, menyalur dan berkongsi informasi serta boleh diperbaharui atau dikemas kini dengan segera.
- ii. e-Pembelajaran perlu disalurkan kepada pengguna melalui komputer yang menggunakan teknologi internet semasa.
- iii. e-Pembelajaran perlu memfokuskan gambaran jelas pengajaran terkini, iaitu bentuk penyelesaian yang berpandukan proses pengajaran dan pembelajaran tradisional.

Nichos (2003) berpendapat bahawa e-pembelajaran ialah penggunaan pelbagai alat teknologi yang berasaskan web yang bertujuan untuk pendidikan. E-pembelajaran adalah merujuk kepada komunikasi dalam talian yang memberi banyak peluang dan pilihan untuk berinteraksi serta komunikasi dalam pembelajaran dan pembelajaran. Komunikasi dalam talian membolehkan pelajar lebih bebas untuk berinteraksi. Pembelajaran menjadi lebih fleksible dimana pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah serta kakitangan politeknik boleh belajar di mana-mana tempat tanpa sekatan geografi dan masa. E-pembelajaran telah mendapat perhatian di kebanyakan institusi pengajian tinggi sebagai satu cara alternatif pembelajaran untuk berinteraksi dengan pelajar tanpa bersemuka.

Dapat disimpulkan bahawa konsep e-pembelajaran yang popular kini berteraskan penggunaan sistem berasaskan web (komputer, internet dan pangkalan data) dan kandungan bahan yang menepati ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) tradisional yang melibatkan penyediaan kurikulum dalam sesuatu kursus atau mata pelajaran.

Metodologi

Pengkaji menggunakan kajian tinjauan deskriptif dengan menggunakan soal selidik sediada yang dibangunkan semula. Struktur borang soal-selidik terbahagi dua, iaitu Bahagian A (Maklumat Responden) dan Bahagian B (Pengalaman Pembelajaran). Terdapat 11 item di Bahagian A yang mencakupi maklumat diri. Maklum balas pelajar terhadap pilihan jawapan yang disediakan bagi setiap item soalan. Bahagian B dibina daripada 40 item soalan yang terbahagi kepada 10 topik berkaitan pengalaman pembelajaran, iaitu: (a) Penerimaan terhadap e-pembelajaran, (b) Pendedahan kepada e-pembelajaran, (c) Status pemilikan telefon pintar di kalangan pelajar, (d) Fasiliti ICT dan capaian internet yang disediakan (e) Persediaan pembelajaran, (f) Impak penggunaan e-pembelajaran terhadap persediaan pembelajaran, (g) Pencapaian objektif pembelajaran (h) Penilaian hasil pembelajaran, dan (i) Perbandingan dengan pembelajaran konvensional, (j) Penerimaan pelajar terhadap masa depan berdasarkan impak e-pembelajaran.

Maklum balas pelajar untuk Bahagian B (Pengalaman Pembelajaran) adalah berdasarkan pilihan jawapan pada skala Likert, iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, agak setuju, setuju dan sangat setuju. Penggunaan lima skala Likert untuk merekod maklum balas responden.

Menurut Mohd Najib (2003) pula, terdapat tiga tahap kecenderungan bagi skor min iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Jika nilai skor min 1.00 – 2.33 maka tahap kecenderungan adalah rendah dan skor min 2.34 – 3.66 adalah tahap sederhana. Selain itu, skor min 3.67 – 5.00 maka tahap kecenderungan adalah tahap tinggi. Skor min ini adalah untuk menentukan faktor yang mana paling mempengaruhi penggunaan dalam e-pembelajaran

Jadual a: Jadual Skor Min (Mohd Najib, 2003)

Skor Min	Tahap Kecenderungan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Dapatan Kajian

Profil Responden

Kajian ini melibatkan 201 responden Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) yang terdiri daripada 16 orang pelajar Diploma Akauntasi (DAT), 72 orang pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan (DPM) dan 113 orang pelajar Diploma Sains Kesetiaan (DSK)

Jadual 1. Taburan Responden Yang Terlibat Dengan Kajian

Program	Frekuensi	Peratusan
DAT	16	8.0
DPM	72	36.0
DSK	113	56.0
Jumlah (%)	201	100.0

Jadual 2. Penerimaan Pelajar Terhadap E-pembelajaran

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Sedia maklum keperluan portal e-pembelajaran dalam kerja kursus	54.7%	3.60	0.75	Sederhana
2	Aktif menggunakan e-pembelajaran	58.3%	3.59	0.82	Sederhana
3	E-pembelajaran membantu mengikuti kursus dengan lebih baik	38.3%	3.21	0.94	Sederhana
4	Mempunyai perspektif positif terhadap e-pembelajaran	42.8%	3.31	0.92	Sederhana
Purata Keseluruhan		48.5%	3.42	0.86	Sederhana

Jadual 2 menunjukkan analisa berkaitan dengan penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran. Purat min yang diperolehi untuk bahagian ini ialah 3.42 iaitu peratus setuju adalah 48.5% dengan sisihan piawai 0.86. Ini menunjukkan pelajar rata-rata menerima e-pembelajaran. Peratus setuju yang tertinggi adalah 58.7% iaitu item 2 (aktif menggunakan e-pembelajaran). Peratusan setuju yang paling rendah adalah item 3 iaitu e-pembelajaran membantu mengikuti kursus dengan lebih baik dengan skor min 3.59 dengan sisihan piawai 0.82 dan tahap min adalah sederhana. Rumusan yang boleh dibuat adalah sebahagian pelajar dapat menerima e-

pembelajaran namun begitu e-pembelajaran kurang membantu mereka mengikuti kursus dengan lebih baik.

Jadual 3. Pendedahan Yang Diterima Pelajar Berkaitan E-pembelajaran

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Terdapat hebahan yang mencukupi berkaitan e-pembelajaran	44.3%	3.36	0.80	Sederhana
2	Mengetahui e-pembelajaran melalui buku/ suratkhobar/ berita tv	44.3%	3.35	0.82	Sederhana
3	Mengetahui e-pembelajaran daripada pensyarah	58.9%	3.67	0.78	Tinggi
4	Sedia maklum e-pembelajaran menguna CIDOS, ZOOM, MEET	62.7%	3.75	0.80	Tinggi
Purata Keseluruhan		52.6%	3.53	0.8	Sederhana

Item 1 hingga 4 dalam jadual 3 di atas pula bertujuan meninjau pendedahan yang diterima oleh pelajar berkaitan dengan e-pembelajaran. Purata skor min keseluruhan ialah 3.53 iaitu setuju dengan sisihan piawai 0.80. Peratusan setuju tertinggi ialah item 4 (Sedia maklum e-pembelajaran menggunakan CIDOS, ZOOM dan MEET) dengan skor min 3.75. Ini menunjukkan tahap pendedahan yang diterima oleh pelajar berkaitan dengan e-pembelajaran adalah pada tahap yang sederhana.

Jadual 4. Status Pemilikan Telefon Pintar Dalam Kalangan Pelajar

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Berpuashati dengan <i>smartphone</i> yang dimiliki	54.7%	3.61	0.94	Sederhana
2	Aktif menggunakan <i>smartphone</i>	54.7%	3.74	0.84	Tinggi
3	Saya tidak menghadapi masalah talian (kredit yang mencukupi)	38.3%	3.23	1.06	Sederhana
4	Smart phone digunakan dengan baik untuk e-pembelajaran	53.2%	3.55	0.95	Sederhana
Purata Keseluruhan		50.2%	3.53	0.95	Sederhana

Jadual 4 di sebelah menunjukkan analisa berkaitan dengan status pemilikan telefon pintar dalam kalangan pelajar. Purat min yang diperolehi untuk bahagian ini ialah 3.53 iaitu peratus setuju adalah 50.2% dengan sisihan piawai 0.95. Ini menunjukkan pelajar rata-rata berpuashati dengan *smartphone* yang dimiliki dan aktif menggunakan *smartphone*. Rumusan yang boleh dibuat adalah sebahagian pelajar berpuashati dengan *smartphone* yang dimiliki namun hanya 53.2 % sahaja yang bersetuju bahawa *smartphone* digunakan dengan baik untuk e-pembelajaran.

Jadual 5. Fasiliti Ict Dan Capaian Internet Yang Disediakan

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Kemudahan mengikuti e-pembelajaran ada disediakan	42.2%	3.31	0.92	Sederhana
2	Pakej internet yang digunakan adalah baik	40.8%	3.24	1.02	Sederhana
3	Capaian wifi mudah diperolehi	24.9%	3.01	1.04	Sederhana
4	Capaian internet memuaskan	36.8%	3.18	1.05	Sederhana
Purata Keseluruhan		36.2%	3.19	1.01	Sederhana

Item 1 hingga 4 dalam jadual 5 di atas pula bertujuan meninjau fasiliti ICT dan capaian internet yang disediakan oleh pelajar berkaitan dengan e-pembelajaran. Purata skor min keseluruhan ialah 3.19 iaitu setuju dengan sisihan piawai 1.01. Peratusan setuju tertinggi ialah item 1 (Kemudahan mengikuti e-pembelajaran ada disediakan) dengan skor min 3.31 dan peratusan setuju 42.2%. Peratusan setuju terendah adalah capaian wifi mudah diperolehi adalah 24.9%. Ini menunjukkan tahap fasiliti ICT dan capaian internet yang disediakan kurang baik dan berada pada tahap min yang sederhana.

Jadual 6. Impak Penggunaan E-Pembelajaran Terhadap Persediaan Pembelajaran

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Meningkatkan motivasi untuk mengikuti sesuatu kursus	39.8%	3.29	0.91	Sederhana
2	Mendorong lebih berinteraksi dengan rakan-rakan sekuliah	37.4%	3.29	0.91	Sederhana
3	Membantu lebih berdikari untuk akses info kursus	48.7%	3.52	0.86	Sederhana
4	Membantu lebih bersedia untuk mengikuti sesuatu kursus	39.8%	3.37	0.91	Sederhana
Purata Keseluruhan		41.4%	3.37	0.90	Sederhana

Jadual 6 di atas menunjukkan impak penggunaan e-pembelajaran dalam persediaan pembelajaran. Purata min yang diperolehi untuk bahagian ini ialah 3.37 iaitu peratus setuju adalah 41.4 % dengan sisihan piawai 0.950. Ini menunjukkan impaknya adalah pada tahap min sederhana dan peratusan tertinggi adalah item 2 iaitu membantu lebih berdikari untuk akses info kursus iaitu 48.7% dengan nilai min 3.52 dan sisihan piawai 0.86.

Jadual 7. Impak Pembelajaran Melalui E-pembelajaran Terhadap Pencapaian Objektif Dan Hasil Pembelajaran

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Kefahaman terhadap objektif & hasil pembelajaran Kursus	32.4%	3.16	0.84	Sederhana
2	Pembelajaran melalui e-pembelajaran membantu saya lebih memahami Objektif dan Hasil Pembelajaran Kursus	31.4%	3.07	0.92	Sederhana
3	E-pembelajaran mendorong saya melakukan inisiatif sendiri demi untuk mencapai Objektif dan Hasil Pembelajaran Kursus	41.8%	3.35	0.88	Sederhana
4	Perkongsian maklumat melalui pembelajaran e-pembelajaran membantu saya lebih memahami Objektif dan Hasil Pembelajaran Kursus	41.8%	3.19	0.92	Sederhana
Purata Keseluruhan		36.9%	3.19	0.89	Sederhana

Item 1 hingga 4 dalam jadual 7 di atas pula bertujuan meninjau impak pembelajaran melalui e-pembelajaran terhadap pencapaian objektif dan hasil pembelajaran. Purata skor min keseluruhan ialah 3.19 iaitu setuju dengan sisihan piawai 0.89. Peratusan setuju tertinggi ialah item 3 & 4 (E-pembelajaran mendorong saya melakukan inisiatif sendiri demi untuk mencapai Objektif dan Hasil Pembelajaran Kursus dan Perkongsian maklumat melalui pembelajaran e-pembelajaran membantu saya lebih memahami Objektif dan Hasil Pembelajaran Kursus) dan peratusan setuju 41.8%. Peratusan setuju terendah adalah pembelajaran melalui e-pembelajaran membantu saya lebih memahami objektif dan hasil pembelajaran kursus adalah 31.4%. Ini menunjukkan tahap impak pembelajaran melalui e-pembelajaran terhadap pencapaian objektif dan hasil pembelajaran adalah pada tahap kecenderungan min sederhana.

Jadual 8. Penilaian Hasil Pembelajaran Berdasarkan Penggunaan E-pembelajaran

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Memahami struktur penilaian	35.4%	3.29	0.79	Sederhana
2	Memahami kaedah penilaian	34.4%	3.28	0.82	Sederhana
3	Penilaian tugas sesuai dengan hasil pembelajaran	37.4%	3.36	0.76	Sederhana
4	Berpuashati dengan markah yang diterima	34.4%	3.30	0.78	Sederhana
Purata Keseluruhan		35.4%	3.31	0.79	Sederhana

Jadual 8 pula menunjukkan penilaian hasil pembelajaran berdasarkan penggunaan E-pembelajaran. Purata min yang diperolehi untuk bahagian ini ialah 3.31 iaitu peratus setuju

adalah 35.4 % dengan sisihan piawai 0.79. Ini menunjukkan penilaian hasil pembelajaran berdasarkan e-pembelajaran adalah pada tahap min sederhana.

Jadual 9. Perbandingan Dengan Pembelajaran Konvensional

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya lebih bersedia menghadiri kuliah setelah mengikuti pembelajaran melalui e-pembelajaran berbanding kuliah sepenuhnya secara konvensional	29.8%	2.91	1.06	Sederhana
2	Lebih banyak maklumat dapat dipelajari dan dikongsi melalui e pembelajaran berbanding pembelajaran konvensional.	61.7%	3.00	1.10	Sederhana
3	E- Pembelajaran lebih mudah diikuti berbanding kuliah secara konvensional	25.4%	3.29	0.79	Sederhana
4	Saya berharap lebih ramai pensyarah menggunakan E-pembelajaran dalam pengajaran	31.4%	3.28	0.85	Sederhana
Purata Keseluruhan		37.1%	3.12	0.95	Sederhana

Jadual 9 di atas menunjukkan tinjauan tentang perbandingan e-pembelajaran dan pembelajaran konvensional. Purata min yang diperolehi untuk bahagian ini ialah 3.12 iaitu peratus setuju adalah 37.1 % dengan sisihan piawai 0.950. Peratus setuju tertinggi adalah 61.7% bagi item 2 iaitu lebih banyak maklumat dapat dipelajari dan dikongsi melalui e-pembelajaran berbanding pembelajaran konvensional. Peratusan setuju yang paling rendah adalah 25.4% di mana responden kurang setuju dengan kenyataan bahawa e-pembelajaran lebih mudah diikuti berbanding kuliah secara konvensional. Rumusan yang boleh dibuat adalah apabila perbandingan dibuat sebahagian responden lebih berminat dengan kaedah pembelajaran secara konvensional berbanding dengan e-pembelajaran.

Jadual 10. Penerimaan Pelajar Terhadap Masa Depan Berdasarkan Impak E-pembelajaran

Bil	Item Soalan	Peratusan Setuju	Nilai min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Politeknik perlu lebih proaktif untuk memperkenalkan pelbagai kaedah pembelajaran atas talian.	48.7%	3.54	0.93	Sederhana
2	Pembelajaran dalam talian dapat meningkatkan imej politeknik kepada masyarakat dan industri	47.3%	3.53	0.93	Sederhana
3	Pembelajaran dalam talian membantu meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran graduan	44.8%	3.44	0.98	Sederhana
Purata Keseluruhan		46.9%	3.50	0.95	Sederhana

Item 1 hingga 3 dalam jadual 10 di atas pula bertujuan meninjau penerimaan pelajar terhadap masa depan berdasarkan impak e-pembelajaran. Purata skor min keseluruhan ialah 3.50 iaitu setuju dengan sisihan piawai 0.95. Peratusan setuju tertinggi ialah item 1 (Politeknik perlu lebih proaktif untuk memperkenalkan pelbagai kaedah pembelajaran atas talian.) dengan peratusan setuju 47.3%. Ini menunjukkan bahawa pihak institusi perlu lebih proaktif untuk memperkenalkan pelbagai kaedah pembelajaran atas talian.

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan pengajaran e-pembelajaran berpotensi untuk meningkatkan kemampuan pelajar menguasai hasil pembelajaran. Namun begitu kemudahan capaian fasiliti dan internet perlu dipertingkatkan terlebih dahulu sebelum pendekatan e-pembelajaran di adakan. Pensyarah masih memerlukan masa untuk meneroka bahan e-pembelajaran. Menurut Hashim et al (2013) menyarankan agar setiap pensyarah perlu meningkatkan kecekapan mereka kerana kemahiran asas teknikal dan operasi merupakan elemen penting dalam pelaksanaan proses pengajaran dalam talian. Para pelajar mempunyai perspektif sederhana positif terhadap e-pembelajaran, tetapi kesediaan mereka untuk terlibat dengan e-pembelajaran bergantung kepada inisiatif pensyarah untuk membimbing dan kemudahan fasiliti yang ada. Keupayaan pelajar untuk memberikan maklumbalas yang berkualiti memberi harapan bahawa e-pembelajaran boleh berlaku dengan baik.

E-pembelajaran bukan lagi pilihan, tetapi sudah menjadi keperluan kepada warga pendidik untuk memanfaatkan dan mengaplikasikan e-pembelajaran sebagai alternatif untuk mengajar. Dapatan dari kajian ini terhadap penerimaan pelajar terhadap masa depan berdasarkan impak e-pembelajaran adalah pada tahap sederhana, walaupun agak sukar dengan keterbatasan infrastruktur serta tanggungjawab dan amanah sebagai pendidik, usaha tetap perlu diteruskan dengan meningkat usaha-usaha inovatif bagi menarik minat pelajar. Menurut Badrul Khan (2005), E-pembelajaran boleh dilihat sebagai satu pendekatan yang inovatif untuk menyampaikan perkara yang menarik, berpusatkan kepada pelajar dan suasana kemudahan pembelajaran kepada sesiapa sahaja, di mana sahaja dan pada bila-bila masa serta sumber kepada pelbagai teknologi digital kepada bahan pembelajaran yang sesuai untuk keterbukaan, fleksibel dan keserataan suasana pembelajaran.

Kesimpulan

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tahu dan peka tentang e-pembelajaran dan menerima bentuk pembelajaran sebegini. Pelajar juga mengetahui kebaikan atau manfaat yang mereka perolehi daripada e-pembelajaran berbanding kaedah konvensional. Walau bagaimanapun kemudahan fasiliti dan kemudahan internet menjadi penghalang kepada usaha murni ini kerana rata-rata pelajar mengatakan mereka menghadapi masalah capaian internet. Sungguhpun terdapat segelintir pelajar yang kurang mahir menggunakan e-pembelajaran usaha dan minat yang ditunjukkan untuk mempelajari kaedah tersebut boleh membanggakan.

Rumusan yang boleh dibuat dari segi penerimaan pula ialah majoriti pelajar menggunakan e-pembelajaran walaupun mereka kurang minat melakukannya. Pelajar bersetuju dengan pendapat e-pembelajaran mendatangkan banyak manfaat atau faedah. Usaha yang ditunjukkan oleh pelajar untuk menggunakan e-pembelajaran membuktikan keseluruhannya pelajar menerima pelaksanaan e-pembelajaran dengan baik. Usaha-usaha yang mantap perlu diteruskan khususnya dalam mereka bentuk e-pembelajaran dengan cara meningkatkan kemahiran para pensyarah sebagai pereka bentuk pengajaran disamping penilaian perlu

dijalankan dari masa ke semasa untuk proses penambahbaikan seiring dengan memastikan bahawa para pelajar mendapat kemudahan capaian internet.

Rujukan

- Aisha Abd.Ghani, (2012). Penggunaan Sistem E-Pembelajaran Author Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di UTHM
- Ardi, S., & Tasir, Z. (2009). Pembelajaran Masa Depan – Mobile Learning (mLearning) Di Malaysia. Dicapai pada Oktober 28, 2012, dari http://eprints.utm.my/7989/1/EDUPRES_%28F3%29_9.pdf.
- Farahiza Zaihan Azizan. (2010). Blended learning in higher education institution in Malaysia. In Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010 (pp. 454–466).
- Hamzah, M., & Yeop, M. A. (2016). Frog VLE (Persekitaran Pembelajaran Maya) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Penerimaan Dan Kaedah Pelaksanaannya. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 6(2), 67–77. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/article/2016AR001298>
- Kalthum Ibrahim & Norwati Md Yusof. (2005). Satu Kajian Terkini Penggunaan E-Portal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di UKM. Prosiding Seminar Kebangsaan EKomuniti 2005. UKM. Putrajaya
- Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Sharliana Che Ani, Sofia Elias & Rusniyati Mahiyaddin (2007). Pelaksanaan e-Pembelajaran di IPTS: Satu Pengalaman di UNITAR, dlm. Prosiding Seminar e-Pembelajaran 2006. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M. Samir Abou El-Seoud. (2014). E-Learning and Students' Motivation: A Research Study on the Effect of E-Learning on Higher Education. *iJET – Volume 9, Issue 4, 2014*
- Mad Noor Bin MadJapuni, Mohd Hanafiah Bin Yusof (2012). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Teknologi Maklumat & Komunikasi IPG Kampus Tawau. <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/html/prosiding.htm>
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi, Adanan Mat Junoh, et al. (2003). Kesiediaan Pelajar University Malaysia Menggunakan E-Pembelajaran Sebagai Satu Alat Pembelajaran. Satu kajian kes di Unisversiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai.
- Muhamad Azhar Stapa, Mohamad Ibrahim, & Amri Yusoff. (2017). Kolaborasi dalam Pendidikan Vokasional: Mewujudkan Pembelajaran Teradun Melalui Teknologi Web 2.0 35 Kolaborasi dalam Pendidikan Vokasional: Mewujudkan Pembelajaran Teradun Melalui Teknologi Web 2.0 *Collaboration in Vocational Education: Delivering Blende. Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 4, 35–51.
- M. Samir Abou El-Seoud. (2014). E-Learning and Students' Motivation: A Research Study on the Effect of E-Learning on Higher Education. *iJET – Volume 9, Issue 4, 2014*
- Nor Aziah Abdul Aziz, & Mohd Taufik Hj Ahmed. (2016). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 116–130. <https://doi.org/10.1145/3060403.3060449>
- Nur Atiqah Binti Md Yazid (2016). Amalan Pembelajaran Teradun Pensyarah Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. *Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
- Rubiah Omar, Jamilah Hj. Ahmad (2009). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)(2009): 155 – 172

- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(2) (2017): In Press (Pratatapan)
- Yusup Hshim. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (Kkpg) 2012* 15-17 Oktober, 2012, Kuantan Pahang